

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN
DARIPADA YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

[KUANTAN]

TARIKH 15 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada sekiranya sesuatu "kawasan keselamatan" telah diisytiharkan oleh Majlis Keselamatan Negara, adakah pilihan raya masih boleh dijalankan di kawasan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perisytiharan 'kawasan keselamatan' di bawah Fasal 18 Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015 (RUU MKN 2015) bukanlah merupakan perisytiharan darurat di bawah Artikel 150, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, perisytiharan tersebut tidak akan menghalang pilihan raya diadakan di dalam kawasan tersebut. Ia juga tidak akan menjejaskan usaha parti politik untuk berkempen bagi mana-mana pilihan raya.

Tujuan perisytiharan 'kawasan keselamatan' adalah semata-mata bagi membolehkan pasukan keselamatan menangani ancaman keselamatan di dalam kawasan tersebut. Di samping itu, pengurusan operasi pasukan keselamatan di kawasan berkenaan akan lebih terurus mengikut peraturan serta arahan-arahan gerakan yang ditetapkan. Aktiviti harian boleh berjalan seperti sedia kala dan tidak terjejas akibat pengisytiharan 'kawasan keselamatan' ini.

Sekian. Terima kasih.